



**INSTITUT AMINUDDIN BAKI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**



SEMINAR NASIONAL PENGURUSAN DAN KEPEMIMPINAN PENDIDIKAN KE-10

30 OKTOBER - 1 NOVEMBER 2001

*Kertas Seminar 5: Kecemerlangan Pendidikan:
Satu Anjaran Paradigma
Dalam Melahirkan Jatidiri Pelajar*

**PROF. MADYA ASMAK HAJI ALI
TUAN HAJI CHE HASHIM BIN MAT SAID
Universiti Teknologi Mara**

DENGAN KERJASAMA

UTUSAN MELAYU (MALAYSIA) BERHAD

KECEMERLANGAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN :

SATU ANJAKAN PARADIGMA BAGI MELAHIRKAN PELAJAR BERWAWASAN

Oleh : Prof. Madya Asmak Haji Ali
Che Hashim Mat Said
Universiti Teknologi MARA, Shah Alam

PENDAHULUAN

Malaysia sebagai sebuah negara membangun terdedah kepada pelbagai pengaruh nilai samada dicetuskan oleh perubahan dalaman mahupun luaran. Hasrat untuk berubah disertai tuntutan terhadap perubahan menjadikan masyarakat Malaysia lebih mudah menerima pengaruh luar. Impak tuntutan perubahan menyebabkan berlakunya reformasi, inovasi, evolusi, transformasi serta exolusi dalam banyak aspek termasuk pendidikan.

Kertaskerja ini dbentangkan pada Seminar Nasional Ke 10 Pengurusan & Kepimpinan Pendidikan
30 Oktober - 1 November 2001 di IAB, G.Highland.

Perkara utama yang perlu diberi penekanan dalam pendidikan ialah persoalan nilai dan etika. Nilai penting bagi membentuk masyarakat yang berhemah tinggi selaras dengan perkembangan masyarakat madani (civil society) yang mengamalkan nilai hidup yang berwawasan.

Wawasan 2020 dengan jelas menyatakan hasrat dan impian negara, iaitu menjadikan Malaysia sebuah negara membangun sepenuhnya menjelang abad ke 21. Nilai-nilai teras utama yang mendasari wawasan tersebut termasuklah membentuk masyarakat demokratik serta mewujudkan keadilan sosial, liberal dan futuristik.

Hal ini dinyatakan dengan jelas dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991 - 2000 seperti berikut :

..... Rakyat Malaysia perlu menerapkan nilai-nilai positif, sesuai dengan keperluan ekonomi negara yang sedang berubah kepada ekonomi berasaskan industri. Nilai-nilai ini termasuklah kejujuran, disiplin, ketepatan masa, kesedaran terhadap kos, kegigihan serta ketekunan. Hasil daripada amalan kesemua nilai ini akan melahirkan tenaga kerja berkualiti yang akan meningkatkan daya saing yang diperlukan oleh ekonomi negara.

Sistem pendidikan dan latihan perlu diubahsuai untuk membolehkan nilai-nilai ini disemai dikalangan rakyat Malaysia. Guru dan pengajar yang merupakan barisan utama pembentuk tenaga kerja industri masa hadapan akan diorientasikan semula untuk melengkapkan mereka bagi menghadapi cabaran-cabaran baru untuk memupuk nilai-nilai ini. Kerajaan akan memperkenalkan program latihan sikap dan motivasi untuk menanam nilai-

nilai-nilai ini supaya rakyat Malaysia akan lebih responsif kepada keperluan pembangunan. (Malaysia, 1991 :Hal 192)

PENJELASAN MAKSUD

Kecemerlangan membawa satu pengertian dan huraian yang luas. Kecemerlangan dicapai hasil dari kemajuan yang diperolehi dan mencakupi aspek yang pelbagai. Hasil dari kemajuan, kejayaan diperolehi dan sekali gus membawa kepada kecemerlangan. Kalimah yang hampir 'sinonim' dengannya ialah 'exelant' dan 'al-falah'.

Kertas ini mengecilkan pembincangan kepada 'Kepimpinan Pendidikan' meliputi antara lain pendidikan, institusi dan organisasi pendidikan serta pelajar. Apa yang kita mahu ialah pelajar bestari, berkualiti, mempunyai sahsiah dan kerohanian tinggi serta cekal dan cekap dalam menghadapi daya saing yang global.

Selaras dengan itu semua pihak yang terlibat mesti bersedia, mampu dan mahu untuk melakukan anjakan paradigma agar cita-cita murni kita ini menjadi kenyataan.

PENDIDIKAN CEMERLANG

Antara kriteria pendidik cemerlang ialah ;

- i. Beriman, bertaqwa dan berakhlak mulia.

Pendidik selaku 'role model' kepada pelajar mestilah dapat menjadi contoh dalam segala hal termasuk soal keimanan. Iman dan taqwa adalah asas kejayaan seseorang insan. Iman dan taqwa adalah

antara penyebab kepada peningkatan pertolongan dan rezeki dari ALLAH s.w.t.

Setiap pendidik mesti mampu dan boleh untuk melengkapkan diri dengan akhlak yang mulia. Mencakupi perkataan (tutur kata), tindakan dan perbuatan. Tuntutan agama tidak harus diabaikan oleh sesiapa pun. Suruhan agama mesti dipatuhi dan larangan agama mesti dijaui.

ii. Mempunyai ilmu dan kemahiran.

Semua menyedari bahawa martabat dan kedudukan seorang yang berilmu dengan orang yang tidak mempunyai ilmu adalah tidak sama.

"Katakanlah adakah sama di antara orang yang mempunyai ilmu dengan orang yang tidak mempunyai ilmu" (al-Quran 39:9)

Tiga aspek penting ilmu dan kemahiran pendidikan ;

a) Organisasi / konsep

Memahami falsafah pendidikan dan misi organisasi, bidang kerja, skop pendidikan dan tanggungjawab.

b) Teknikal (Funcational)

Mengetahui teknik atau cara melaksanakan fungsi-fungsi pendidikan secara efektif dan efisien. Ini termasuk teknik perancangan, komunikasi, kepimpinan, pengawalan, penyelesaian masalah dan sebagainya.

c) Kemanusiaan

Pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan kemanusiaan merangkumi aspek-aspek psikologi serta sosiologi kemanusiaan, keperluan motivasi manusia dan gelagat-gelagat manusia dalam organisasi.

iii. Bersikap proaktif dan positif terhadap diri, tugas dan organisasi.

Kita dapati ada tiga sikap pendidik dalam sesebuah organisasi pendidikan.

a) In-active

Pendidik yang 'in-active' ialah mereka yang hanya mengajar tetapi tidak melaksanakan tugas dan tanggungjawab mendidik yang telah diamanahkan. Mereka tidak melakukan apa-apa walaupun setelah diingatkan oleh orang lain. Mereka banyak mengambil sikap 'tidak ambil kisah' dengan apa yang berlaku.

b) Reactive

Pendidik yang 'reactive' bermaksud mereka yang melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara reactive. Mereka melakukan sesuatu hanya apabila disuruh oleh orang atasan atau apabila timbul sesuatu masalah. Mereka kurang bersedia untuk masa depan dan seringkali bersifat 'emosional' dengan keadaan sekeliling.

c) Proaktif

Pendidik yang proaktif sentiasa bersedia untuk melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna. Mereka tidak bergantung dengan orang lain dan lebih bertanggungjawab terhadap diri sendiri. Mereka lebih rasional dan sentiasa merancang untuk menjayakan misinya sebagai pendidik.

iv. Mempunyai matlamat yang jelas.

Pendidik cemerlang mempunyai matlamat yang jelas dan dapat diringkaskan kepada SMART iaitu;

Specific (jelas), Measurable (boleh diukur), Attainable (munasabah), relevant (berkaitan) dan time frame (masa).

Kombinasi matlamat di atas amat penting dihayati oleh semua pendidik.

v. Bijak menguruskan masa.

Seorang pendidik cemerlang seharusnya dapat menguruskan masa dengan baik. Dapat merancang tindakan dan masa untuk bertindak. Cekap untuk melakukan pengagihan tugas. Berusaha sedapat mungkin untuk tidak melakukan gangguan dan pembaziran masa. Masa dimanfaatkan sepenuhnya.


- vi. Mempunyai keyakinan dan motivasi diri yang tinggi.

Pendidik cemerlang biasa dan lazimnya mempunyai pemikiran dan motivasi pencapaian yang tinggi. Dapat menyediakan diri untuk menjadi 'role model' kepada para pelajar dalam pelbagai aspek terutamanya prestasi kerja. Dapat mengatur langkah dan strategi bagi meningkatkan keyakinan dan motivasi diri. Sentiasa berusaha dan berikhtiar untuk memberi rangsangan positif kepada pemikiran positif dan terbuka. Mengamalkan konsep 'budaya ilmu' dalam kehidupan.

- vii. Sentiasa meningkatkan diri.

Dengan melakukan antara lain audit diri, kakitangan dan organisasi. Membudayakan amalan berbincang dan mesyuarat terutamanya yang membabitkan agenda perubahan. Melaksanakan program pembangunan diri, kakitangan dan organisasi.

Menurut Abdul Rahim (2001), ilmu pengetahuan dan nilai mempunyai petalian dan hubungan yang amat rapat.



PEMBANGUNAN SEKOLAH BERKESAN

Kajian terhadap sekolah berkesan pada dasarnya membincangkan aspek-aspek pencapaian akademik, kemudahan infrastruktur pembelajaran kualiti pengajaran, pengurusan, pentadbiran dan kepimpinan serta pengaruh sosio - ekonomi pelajar.

- i) Perspektif nilai dan moral sekolah mencakupi suatu dimensi yang luas yang boleh digunakan sebagai suatu kriteria bagi menentukan sesebuah sekolah berkesan atau sebaliknya. Nilai mencorakkan budaya dan kedinamikan perubahan sekolah. Sekolah yang mempunyai imej moral yang tinggi memberi suatu kekuatan semangat sekolah untuk mencapai perubahan dan kemajuan samada dalam aspek akademik mahupun bukan akademik.

Sekolah yang berkesan.

- Mempamerkan kredibiliti moral yang tinggi sebagai suatu wawasan yang mendorong kejayaan pelajar.
- Dapat mendidik dan melahirkan individu yang 'komited' dengan soal-soal moral.
- Dengan asas pendidikan moral, disiplin dan keagamaan yang baik, sekolah dapat melentur dan menguatkan asas pembinaan akhlak dan sahsiah yang baik bagi menangkis cabaran dan pengaruh keruntuhan moral yang berlaku disekeliling mereka.

- Mempunyai 'komitmen' yang tinggi untuk melaksanakan tanggungjawab pendidikan untuk membentuk individu yang bermaruah dan bermoral.
- Kurang menghadapi masalah sosial dan karenah tingkah laku yang tidak diingini. Pelajar dididik supaya mempunyai kualiti moral yang baik dan dapat menolak gejala-gejala buruk yang bercanggah dengan nilai-nilai moral yang perlu dipertahankan.
- Mempertahankan tradisi yang baik untuk kebanggaan dan semangat bagi mencapai kejayaan.
- Ganjaran moral sentiasa diberikan oleh pihak sekolah kepada pelajar bagi tujuan membina kekuatan dan meningkatkan keyakinan dan menguatkan keazaman pelajar untuk meningkatkan moral dan kehormatan diri melalui kejayaan mereka dalam pendidikan dan kerjaya.

Menurut (Abdul Rahim, 2001) polisi sekolah yang dibentuk perlu mempertahankan nilai-nilai yang sesuai dan dapat memperkukuhkan aspek-aspek moral, guru dan pelajar. Nilai sekolah yang mengongkong pemikiran dan kebebasan sosial guru dan pelajar bercanggah dengan wawasan moral sekolah.

Nilai murni perlu ditaman dalam organisasi dan budaya sekolah bagi membina amalan, tingkah laku, tindakan dan mencorakkan pemikiran yang sihat di kalangan masyarakat sekolah.

Aspek-aspek nilai yang perlu diketengahkan;

i. Nilai Intelektual

Sekolah perlu berusaha bagi mengembangkan nilai menghargai ilmu pengetahuan dan intelektual di kalangan pelajar.

ii. Nilai Sosial

Sekolah berperanan memupuk nilai-nilai sosial yang baik dan sihat serta memberi pengalaman sosial yang baik kepada pelajar (khidmat masyarakat dan lain-lain).

Permufukan nilai tolenransi, persefahaman dan perpaduan dikalangan pelajar bagi meneruskan suatu penghidupan yang harmoni dan bertanggungjawab.

iii. Nilai Kerohanian

Memberi perhatian kepada program dan aktiviti yang dapat menguatkan nilai-nilai kerohanian dikalangan pelajar dan juga guru.

iv. Nilai Murni.

Nilai-nilai yang baik seperti baik hati, berbudi pekerti mulia, berhemah tinggi, keberanian, kebebasan, kejujuran, kerajinan, kerjasama dan lain-lain perlu dipupuk dan dihayati bersama.

RUMUSAN / SYOR

Satu hakikat yang disedari oleh semua ialah kecemerlangan pendidikan adalah satu perkara yang perlu ditangani secara serius semenjak dari awal alam persekolahan sehingga pada peringkat pengajian tinggi. Kuantiti yang ada samada pada peringkat sekolah rendah, menengah mestilah berupaya dan mampu melahirkan kualiti yang cemerlang.

Kalau dilihat kepada cadangan Kementerian Pendidikan memperkenalkan Penilaian Kemajuan Berdasarkan Sekolah (PKBS) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan 2001 - 2010, tentulah ia merupakan satu amanah yang harus dilaksanakan dengan jujur dan penuh dedikasi oleh kepimpinan sekolah terutama guru-guru.

Menurut Presiden Persatuan Penyelidikan Pendidikan Malaysia bahawa PKBS adalah sebagai suatu perkembangan pendidikan pelajar yang mengiktiraf profesionalisma guru dan tanggungjawab guru dalam perkembangan potensi pelajar.

Peranan lima belas buah IPTA yang ada sekarang ini harus bersedia untuk membentuk dan menyediakan diri selari dengan tuntutan global kecemerlangan pendidikan kini. Tanggapan bahawa IPTA hanya sebagai tempat pengeluaran manusia 'pemegang ijazah' sahaja harus dikikis dan dibuang jauh-jauh.

CADANGAN-CADANGAN

1. Usaha perlu dilakukan bagi membolehkan para pendidik meningkatkan kemahiran dalam bidang komunikasi dan teknologi maklumat terutamanya berkaitan dengan IT dan ICT.

Usaha Kementerian Pendidikan mengadakan Pameran Penyelidikan Kali Pertama melibatkan semua IPTA di PWTC pada 25 - 28 Oktober 2001 adalah satu contoh kejayaan penyelidikan. Dan sekaligus ia juga menunjukkan kemahiran pengguna teknologi maklumat.

Begitu juga usaha yang sama telah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan melalui bahagian kurikulumnya mengadakan pameran melibatkan semua maktab perguruan seluruh negara. Soalnya bagaimana pada peringkat sekolah ?. Adakah kemudahannya ada?.

2. Pihak kerajaan hendaklah menyediakan peruntukan dan perbelanjaan mencukupi dan perpatutan bagi setiap sekolah sesuai dengan era ICT/global. Birokrasi yang wujud seharusnya dikurangkan kepada tahap yang paling minima. Kuasa yang lebih besar sepatutnya diserahkan kepada pentadbiran sekolah atau PPD.

Perbelanjaan tahunan sekolah yang melibatkan perbelanjaan dasar seperti pembayaran bil-bil seharusnya tidak memeningkan kepala pengetua. Begitu juga dengan peruntukan kemudahan asas lain.

3. Memberi dan membuka peluang yang lebih luas kepada para pendidik untuk mengikuti kursus-kursus dan latihan-latihan bagi mempertingkatkan kemahiran dan tahap akademik serta kemahiran mereka.

Selari dengan hasrat kerajaan agar kebanyakan pendidik pada tahun 2005 adalah pendidik berijazah, mereka sepatutnya diberi galakan dan insentif jika mereka berjaya menyambung pelajaran. Apa yang berlaku kadang-kadang 'kerajinan mereka' dimamah oleh 'sistem birokrasi' yang ada.

4. Profesion guru perlu diperkasakan dan dinobatkan. Segala kemudahan yang diperolehi dan dinikmati kakitangan perkhidmatan awam yang lain mestilah juga dinaikmati oleh para guru. Profesion mereka bukannya profesion 'kelas dua' malah profesion mereka adalah amat mulia dan amat agong kedudukannya. Birokrasi 'lambat terima gaji' dan peluang kenaikan pangkat yang agak 'terhad' sedapat-dapatnya diatasi secara hikmah.

PENGHARGAAN

Akhirnya saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada pihak urusetia seminar khususnya IAB kerana telah memberi peluang kepada kami berkongsi idea dan pengalaman.

Terima kasih kepada semua pihak yang telah turut serta dalam menjayakan penulisan kertas kerja ini. Juga diucapkan terima kasih kepada mereka yang telah kami jadikan tulisannya sebagai bahan bacaan dalam penyediaan kertas ini. Semoga Allah memberkati usaha murni sekalian.

SENARAI BACAAN

1. al- Quran al Karim.
2. Prof. Madya Dr. Abd Rahim Abd Rashid,
*Nilai-nilai Murni Dalam Pendidikan Menghadapi Perubahan dan Cabaran
Alaf Baru.* Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributours Sdn.
Bhd. 2001.
3. Prof. Madya Dr. Abd Rahim Abd Rashid,
Motivasi : Profesionalisme Pengurusan Bilik Darjah, Kuala Lumpur :
Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 1999.
4. Ahmad Atory Hussain, *Pengurusan Organisasi,*
Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 1991
5. Jaafar Muahamd, Siti Maimon Kamso, Nordin Muhamad & Aziz A. Hamid
(Penyunting), *Pengurusan Di Malaysia : Cabaran Persaingan Global,*
Kuala Lumpur L Leeds Publication, 1995
6. Wan Liz Ozman Wan Omar, *Pengurusan Islam Abad Ke 21, Kuala Lumpur :*
Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd, 1996.

